

Mengungkit-ungkit dan Membangkit-bangkit Pemberian Sangat Dicela

Telah menjadi kebiasaan bagi setengah-setengah kaum Muslimin yang hartawan dan “dermawan” dan terkadang-kadang pula dipandang sebagai “nyawa” sesuatu badan dengan menggelarkan diri sebagai bapa umat Islam dan juga orang-orang kebanyakan yang memberi pertolongan kepada seseorang atau kepada anak buahnya sendiri, apabila tiba masa-masa atau ketika-ketika orang yang dibantu dan ditolongnya itu tidak disukainya lalu membangkit-bangkit pertolongan yang diberinya atas orang dan menghebah-hebahkan bangkitan itu kepada umum dengan luasnya dengan mengatakan tidak mengenang budi dan seumpamanya walaupun orang yang ditolongnya sedikit sebanyak telah berbudi dan telah menyempurnakan tanggungan-tanggungannya.

Perbuatan-perbuatan membangkit-bangkit pemberian itu adalah dicegah Tuhan dengan peringatan yang bersemangat sebagaimana firman-Nya di dalam surah Al-Baqarah ayat 24 yang maksudnya:

“Wahai orang-orang yang beriman janganlah kamu membatalkan sedekah-sedekah kamu dengan membangkit-bangkit dan dengan gangguan-gangguan, seumpama orang membelanjakan harta-hartanya bagi memperlihatkan-lihatkan kepada manusia ramai dan tiada beriman kepada Allah dan akan hari kesudahan. Perumpamaannya ialah seumpama batu licin yang di atasnya ada tanah, yang apabila ditimpa hujan lebat lalu batu licin itu menjadi licin tandus. Mereka tiada sanggup membuat apa-apa dari yang mereka usahakan. Dan Allah itu tiada memberi pertunjuk kepada orang yang kafir.”

Dalam hadith Nabi (S.A.W) ada menyebutkan pula dengan sabdanya: “Tiga orang Allah tiada mahu bercakap pada hari kiamat, tak mahu melihat mereka dan tidak mahu

mengheningkan mereka dan bagi mereka azab yang pedih;

iaitu: yang terlalu menurunkan kainnya; yang membangkit-bangkit pemberiannya; yang mengelok-elokkan jualannya dengan sumpah dusta.”

Rasulullah bersabda lagi: tidak masuk di dalam syurga orang-orang yang membangkit-bangkitkan pemberiannya; orang yang derhaka kepada ibu bapanya; dan orang yang tetap minum arak (minuman keras).”

Membangkit-bangkitkan Pemberian.

Yang dikehendaki dengan membangkit-bangkit pemberian ialah menyebut-nyebut keihsanan kita kepada seseorang bagi menyatakan keutamaan kita atas orang itu; disebut-sebutkan hal itu dengan tidak ada keperluannya.

Yang dikehendaki dengan menyakitinya ialah dicela-cela orang yang telah menerima keihsanan kita atau orang yang menerima nikmat dari kita.

Yang dimaksud dengan menyebut-nyebut ialah menunjuk-nunjukkan bahawa orang yang telah menerima kebaikan itu wajib membantu dan menolong kita; kita telah mempunyai hak atas dirinya dengan kerana keihsanan kita. Begitu juga dengan menyakiti - berlaku sombong dan membesar diri ke atas orang-orang yang diberi ihsan itu.

Dengan tegasnya di dalam al-Qur’ān tuhan menerangkan bahawa orang yang meminta keihsanannya (infaknya) dengan menyebut-nyebut dan membangkit-bangkit atau menyakiti perasaan orang yang diihsankan kepadanya, atau mengiringi yang demikian dengan yang tersebut,

tidaklah berhak masuk ke dalam orang yang membelanjakan hartanya kepada jalan Allah dan tidak berhak pula dinamai pemurah.

Terang bahawa Tuhan mensyaratkan pahala yang didapat oleh seseorang yang membelanjakan hartanya; seseorang yang bersedekah, mengerjakan makruf atau ihsan, dengan tidak membangkit-bangkit, menyebut-nyebut dan tidak menyakiti. Tegasnya tiada diharuskan kita menyebut-nyebut keihsanan kita yang telah kita berikan kepada seseorang untuk menunjukkan keutamaan kita atasnya (untuk menunjukkan kita telah berbudi kepadanya). Diserupakan juga pemberian kepada seseorang itu dengan pemberian kepada pertubuhan (parti) yang menjalankan pekerjaan-pekerjaan maslahat umum.

Ibn Jarir pernah menggambarkan penyakit yang tercela itu (penyakit yang menyebut-nyebut dan menyakiti) begini: “Mencacat-cacat dan memburuk-burukkan orang yang telah menerima ihsan dengan jalan mengatakan bahawa mereka sia-sia ditolong, sia-sia wang dan belanja diberikan, mereka tidak melaksanakan tugas yang dipikulkan ke atas dan yang seperti nya. Hal yang tersebut ini sememangnya biasa dijumpai dalam masa-masa Rasulullah sendiri.”

Menyebut-nyebut dan membangkit-bangkit serta menyakiti orang yang menerima ihsan kita bukannya satu budi yang utama. Perangai yang tersebut ini hanya menunjukkan kerendahan jiwa dan keburukan budi pekerti.

Seseorang mukmin yang tinggi budinya, berakhlak mulia yang memberikan sesuatu ihsan kerana Allah tidak tergamak dirinya menyebut-nyebutkan keihsanannya itu, kerana ia takut riak dan takut menghilangkan keikhlasannya.



Bacalah!

Florinda Puteri Sepanyol

Terjemahan: Abdullah Basmeh

“Florinda Puteri

Sepanyol” ialah sebuah cerita yang indah dan menarik, buah kalam Jurji Zaydan, pengarang Mesir yang terkenal.

Ikutilah bagaimana angkatan tentera Islam yang dipimpin oleh pahlawan Islam yang mahsyur - Tariq bin Ziyad, menggempur tentera Sepanyol dan menghancurkan leburkan pertahanannya.

Semenjak itu, Islam telah mendirikan kerajaan dan tamadun yang tinggi di Semenanjung Sepanyol dan berkekalan menyinari benua Eropah sepanjang masa dilapan kurun.

(Naskhah Rumi: sebuah \$3.00)

Pesanlah kepada penerbitnya

Qalam

8/356 Geylang Rod Singapura 14.
